

Analisis Keperluan Terhadap Pembangunan Modul Nyanyian Membentuk Tingkah Laku Kanak-Kanak

Analysis of Needs for the Development of a Singing Module to form Children's Behavior

Ramizah Sakumoning* & Abdul Halim Masnan

Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

email: ramizah@moe.gov.my

Published: 30 December 2024

To cite this article (APA): Sakumoning, R., & Masnan, A. H. (2024). Analisis keperluan terhadap pembangunan modul nyanyian membentuk tingkah laku kanak-kanak. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 10(2), 49–56. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol10.2.5.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol10.2.5.2024>

Abstrak

Kajian reka bentuk dan pembangunan, salah satu fasa penting yang perlu dijalankan adalah analisis keperluan. Dalam kajian ini, analisis keperluan dilaksanakan untuk memastikan modul yang dihasilkan sesuai dengan keperluan pengguna. Kajian tinjauan yang berbentuk kuantitatif ini dilaksanakan untuk melihat keperluan pembangunan Modul Nyanyian membentuk tingkah laku kanak-kanak dari perspektif guru serta untuk melihat persepsi dan pengetahuan guru tentang integrasi antara nyanyian dan hubung kait tingkah laku kanak-kanak di taska. Modul ini menggunakan satu pendekatan baharu yang belum digunakan secara meluas di taska. Pendekatan nyanyian yang digunakan adalah pembelajaran secara integrasi di mana pelajaran digabungkan dalam satu sesi pengajaran bagi membentuk tingkah laku. Satu set borang soal selidik analisis keperluan telah diberikan kepada 100 orang guru taska pendidikan awal kanak-kanak di seluruh Malaysia. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif iaitu frekuensi dan peratusan menggunakan perisian Spss. Hasil analisis menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa modul ini sesuai dibangunkan bagi pembelajaran dan pembentukan tingkah laku kanak-kanak. Sebanyak 71% responden bersetuju bahawa pembangunan modul nyanyian dan pembentukan tingkah laku perlu dibangunkan bagi membentuk disiplin kanak-kanak. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa guru-guru memerlukan panduan nyanyian untuk membentuk tingkah laku kanak-kanak di mana 65% responden memerlukan panduan yang lengkap semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Hasil daripada kajian ini memberikan satu gambaran ringkas tentang perlunya modul pembelajaran menggunakan kaedah nyanyian bagi membentuk tingkah laku kanak-kanak.

Kata kunci: analisis keperluan, modul pembelajaran nyanyian, tingkah laku, kanak-kanak, taska

Abstract

Design and development studies, one of the important phases that need to be carried out is requirements analysis. In this study, a needs analysis is carried out to ensure that the module produced is suitable for the user's needs. This quantitative survey study was carried out to see the development needs of the Singing Module to shape children's behavior from the teacher's perspective as well as to see the teacher's perception and knowledge about the integration between singing and the link between children's behavior in the nursery. This module uses a new approach that is not yet widely used in nurseries. The singing approach used is integrated learning where lessons are combined in one teaching session to shape behavior. A set of needs analysis questionnaires was given to 100 early childhood education nursery teachers throughout Malaysia. The data obtained were analyzed descriptively, i.e. frequencies and percentages using Spss software. The results of the analysis show that the majority of respondents agree that this module is suitable for learning and shaping children's behavior. A total of 71% of respondents agreed that the development of the singing module and the formation of behavior should be developed to form the discipline of children. In addition, the findings also show that teachers need singing guidance to shape children's behavior where 65% of respondents need complete guidance during teaching and learning sessions.

The results of this study provide a brief overview of the need for learning modules using singing methods to shape children's behavior.

Keywords: *needs analysis, singing learning module, behavior, children, nursery school*

PENGENALAN

Kajian analisis keperluan merupakan fasa paling penting dan utama kerana fasa ini akan menentukan kandungan dalam modul dan pembangunan bahan akan dilaksanakan. Menurut Aliza dan Zamri (2017), terdapat beberapa langkah yang terdapat dalam fasa analisis keperluan iaitu mengesahkan perlu ada jurang pencapaian, menentukan matlamat pengajaran, memastikan keperluan pengguna, mengenal pasti sumber yang diperlukan, seterusnya menyediakan pelan pembinaan modul. Melalui fasa analisis ini, keperluan kumpulan sasaran iaitu guru taska dalam Pendidikan awal kanak-kanak dikenal pasti untuk dinilai dan dipertimbangkan (McKillip, 1987). Matlamat nya supaya modul yang hendak dibangunkan adalah jelas (Masliza dan Nor'ain, 2021) memenuhi matlamat serta keperluan kumpulan sasaran. Hal ini juga memastikan reka bentuk pembangunan modul ini adalah benar-benar satu keperluan (Armitage dan Conner, 2001) bagi menyelesaikan masalah yang dikaji. Kajian ini lebih memfokuskan kepada keperluan pembangunan Modul Nyanyian bagi membentuk tingkah laku kanak-kanak. Dilihat penubuhan agensi, institusi, dasar, program dan latihan yang berkaitan kanak-kanak makin berkembang demi mencapai impian Malaysia untuk melahirkan modal insan negara yang holistik dan produktif bermula dari peringkat awal kanak-kanak, (Aminah Ayob, Mastura Badzis, Rohani Abdullah, Azizah Lebai Nordin & Mahani Razali, 2008). Pendidikan awal kanak-kanak melibatkan enam perkembangan iaitu Perkembangan bahasa komunikasi dan literasi awal, Perkembangan sahsiah sosio emosi dan kerohanian, Perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran, Perkembangan fizikal, Perkembangan daya kreativiti dan estetika, Perkembangan awal matematik dan pemikiran logik, (Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali, 2013). Zakaria Khalid dan Ariff Fadillah Khalil (2011) berpendapat belajar sambil bermain atau dapat meningkat minat pembelajaran kanak-kanak seterusnya mewujudkan suasana yang menyeronokkan. Melalui belajar sambil bermain, tingkah laku murid turut dipengaruhi dan bertambah baik (Saayah, Rohaty Mohd Mazjub dan Nor Aishah Buang, 2010). Muzik dan nyanyian begitu dekat terutamanya pada peringkat kanak-kanak. Secara semulajadi, kanak-kanak menyukai bunyi dan muzik dan membuatkan mereka lebih terhibur. Oleh yang demikian, muzik dan nyanyian dapat dilihat memberi kesan positif serta menarik perhatian kanak-kanak di dalam pembelajaran (Koelsch, 2014). Seterusnya, bukan sahaja menarik perhatian kanak-kanak malah merupakan satu rangsangan yang memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan minda kanak-kanak terutamanya sewaktu pengajaran. Selain daripada itu, kanak-kanak memberikan perhatian, memahami rentak, irama dan sebutan melalui muzik yang dimainkan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan berdasarkan keperluan penyelidik untuk mendapatkan data bagi menghasilkan modul nyanyian membentuk tingkah laku kanak-kanak. Analisis keperluan merupakan fasa pertama dalam kajian reka bentuk dan pembangunan. Kajian reka bentuk dan pembangunan modul memfokuskan kepada proses pembangunan sesuatu modul yang melibatkan beberapa fasa dengan menggunakan kaedah yang berbeza bagi tujuan pengumpulan data (Saedah, Norlidah, Dorothy & Zaharah, 2013).

Objektif kajian bagi fasa analisis keperluan adalah seperti berikut:

Menganalisis keperluan membangunkan modul Nyanyian bagi membentuk tingkah laku kanak-kanak.

KAEDAH

Kaedah kajian berbentuk kuantitatif dan dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan bagi mendapatkan maklumat daripada guru-guru pendidikan awal kanak-kanak mengenai permasalahan dan keperluan pembinaan modul. Kajian awal ini merupakan kajian analisis keperluan yang dijalankan bagi mengetahui permasalahan dan tindakan yang boleh diambil dalam menyelesaikan masalah (Nur Nazuha, 2017). Kajian Nur Nazuha, (2017) menyatakan kajian analisis keperluan ini merupakan salah satu proses penting dalam reka bentuk pembangunan sesebuah modul iaitu di dalam fasa tinjauan. Kajian analisis keperluan dijalankan untuk menyelesaikan masalah dalam ruang lingkung yang lebih jelas.

DAPATAN KAJIAN

Material

Kajian ini menggunakan instrumen borang soal selidik. Soal selidik yang disediakan adalah adaptasi daripada penilaian yang dibuat oleh Instrumen soal selidik yang diedarkan mengandungi tiga bahagian soalan. Bahagian pertama adalah mengenai demografi responden bagi mengetahui tempoh pengalaman mengajar dan tahap pendidikan responden dalam Pendidikan awal kanak-kanak. Maklumat ini adalah penting kerana ia dapat memberi gambaran awal terhadap kepakaran dan pengalaman guru tersebut (Norshafinaz dan Faridah, 2018). Bahagian kedua borang soal selidik adalah berkenaan keperluan terhadap pembinaan modul. Sepuluh soalan di bahagian ini bertanyakan tahap kefahaman guru terhadap pembentukan tingkah laku kanak-kanak dan kaedah nyanyian. Bahagian ketiga pula mengandungi sepuluh soalan mengenai keperluan kandungan modul yang dibina iaitu isi kandungan, dua soalan aktiviti dan empat soalan bahan pembinaan modul nyanyian bagi membantu menambah baik pengajaran yang sedia ada.

Sampel

Dalam kajian ini, 100 orang guru Pendidikan awal kanak-kanak yang terdiri daripada guru baru dan guru yang berpengalaman telah dilibatkan. Responden yang dipilih secara bertujuan dengan memastikan setiap responden dari taska yang berbeza. Tujuan pemilihan ini adalah disebabkan pengkaji ingin membandingkan data yang diperolehi dari taska yang berlainan dan seterusnya akan memberikan gambaran yang lebih jelas tentang keperluan modul nyanyian membentuk tingkah laku di taska yang berbeza pada masa ini. Justeru itu dalam kajian ini, jumlah sampel yang akan terlibat ialah seramai 100 orang. Menurut Kothari (2004), bilangan sampel sebanyak 10% hingga 20% daripada populasi adalah mencukupi. Begitu juga dengan pendapat Schumacher dan McMillan (2014), yang mengatakan bahawa tinjauan, bilangan subjek yang sesuai adalah lebih kurang 100 responden.

Kaedah Kajian

Responden yang dipilih dihubungi terlebih dahulu untuk diterangkan tentang keperluan kajian dijalankan. Responden yang bersetuju untuk bekerjasama dengan kajian ini diberikan borang soal selidik menggunakan borang soal selidik. Kaedah ini digunakan kerana ianya lebih mudah dan data diperolehi lebih cepat. Dengan kaedah ini prosedur kajian ini menjadi lebih menjimatkan dari segi masa, wang dan tenaga.

Pengukuran

Soal selidik ini adalah berskala 5 poin iaitu bermula dengan nilai 1 tidak setuju, kurang setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju untuk poin 5. Setiap item dalam bahagian soal selidik akan dinilai kekerapan dan peratusan bagi setiap poin. Tahap skor min bagi setiap bahagian atau konstruk akan diukur untuk menilai tahap keperluannya. Tahap skor min diukur dengan nilai 0.00 hingga 2.00 adalah pada tahap rendah, 2.01 hingga 3.00 pada tahap sederhana rendah, 3.01 hingga 4.00 pada tahap

sederhana tinggi dan 4.01 hingga 5.00 merupakan tahap skor min yang tinggi (Ritchie & Lewis, 2003). Daripada penilaian tahap skor min dapat dikenal pasti tahap keperluan sesuatu tindakan dalam menyelesaikan permasalahan yang telah dibangkitkan.

Analisis Data

Data yang diperolehi dari 100 responden dianalisis menggunakan analisis deskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan dan peratusan setiap item serta nilai min dan sisihan piawai setiap konstruk kajian. Seterusnya analisis dijalankan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS). Analisis data yang diperolehi pengkaji dapat mengenalpasti tahap keperluan setiap konstruk kajian dan seterusnya menjawab persoalan kajian.

Kesahan dan kebolehpercayaan

Soalan-soalan yang dipilih terlebih dahulu disemak oleh seorang pensyarah yang pakar dalam bidang pendidikan Awal kanak-kanak dan seorang pakar bahasa untuk menyemak dan untuk menentukan kesahan muka dan kesahan kandungannya. Beberapa pandangan dan pendapat yang diberikan telah digunakan untuk membaiki kandungan soal selidik tersebut. Selain itu, ujian korelasi Pearson dijalankan ke atas setiap item dan memperolehi nilai korelasi melebihi 0.35 bagi setiap item. Ianya dikira sebagai memperolehi nilai kesahan yang tinggi (Ahmad, Othman, Hussin, 2020). Seterusnya soal selidik dinilai menggunakan Cronbach Alfa bagi menguji kebolehpercayaanya. Mohd Majid di dalam Nur Nazuha menyatakan bahawa instrument kajian boleh diterima apabila nilai pekali alfa Cronbach melebihi 0.70 (Nur Nazuha, 2017) Hasil semakan menggunakan (SPSS) mendapati nilai pekali alfa Cronbach bagi instrumen ini adalah 0.782. 4.

Dapatan Demografi Kajian

Maklumat demografi umur responden Jadual 1 menunjukkan 39 peratus guru berumur 21 - 30 tahun. Peratusan tertinggi sebanyak 53 peratus yang berumur 31 - 40 tahun. Seterusnya hanya terdapat 8 peratus mewakili 8 guru yang berumur 41 tahun ke atas.

Jadual 1: Umur

Umur	Kekerapan	Peratus %
21 - 30 tahun	39	39
31 - 40 tahun	53	53
41 tahun ke atas	8	8

Demografi responden Jadual 2 menunjukkan terdapat 63 orang atau 63 peratus guru mempunyai Ijazah Sarjana Muda. Seterusnya seramai 30 guru atau 30 peratus guru mempunyai kelulusan STPM/STAM atau Diploma. Selebihnya guru berkelulusan Ijazah Sarjana seramai 7 orang mewakili 7 peratus. Maklumat secara perinci boleh dirujuk pada jadual.

Jadual 2: Latar belakang akademik

Latar belakang akademik	Kekerapan	Peratus %
MCE/SPM/SPVM	0	0
STPM/STAM/ Diploma	30	30
Ijazah Sarjana Muda	63	63
Ijazah Sarjana	7	7
Ijazah Sarjana Doktor Falsafah (PhD/ EdD)	0	0

Jadual 3: Pengalaman mengajar

Pengalaman mengajar	Kekerapan	Peratus %
1 Tahun – 5 Tahun	33	33
6 Tahun – 10 Tahun	44	44
11 Tahun – 15 Tahun	16	16
16 Tahun -20 Tahun	7	7
21 Tahun ke atas	0	0

Merujuk jadual 3 menunjukkan terdapat 44 guru merupakan guru berpengalaman selama 6 tahun hingga 10 tahun mengajar di taska. Peratus kedua tertinggi adalah guru yang berpengalaman 1 tahun hingga 5 tahun mengajar sebanyak 33 orang atau 33 peratus. Data juga menunjukkan bahawa kebanyakan responden memiliki 11 tahun hingga 15 tahun pengalaman sebanyak 16 orang responden atau 16 peratus, diikuti dengan 16 tahun hingga 20 tahun pengalaman sebanyak 7 orang atau 7 peratus. Walau bagaimanapun terdapat 0 peratus guru yang mempunyai 21 tahun ke atas pengalaman mengajar nya. Maklumat secara perinci boleh dirujuk pada jadual.

KEPERLUAN TERHADAP PEMBINAAN MODUL

Seramai 100 orang responden telah menjawab soal selidik. Berdasarkan analisis soal selidik, dapatan kajian yang diperoleh daripada soal selidik tersebut adalah seperti berikut:

Keperluan pembinaan modul Rajah 1 menunjukkan 89% guru sangat setuju bahawa membentuk tingkah laku kanak-kanak itu penting dalam pembelajaran kanak-kanak. Seterusnya pembentukan tingkah laku memerlukan proses yang berterusan dan 59% guru menyatakan sangat setuju. Item soalan untuk mendapati kanak-kanak suka menyanyi dan melakukan gerakan bagi membentuk tingkah laku sebanyak 57% guru menyatakan sangat setuju. Hampir 61% guru menyatakan sangat setuju bagi soalan membentuk tingkah laku kanak-kanak perlu ada satu panduan yang lengkap. Manakala 65% guru sangat setuju dan memerlukan panduan nyanyian untuk membentuk tingkah laku kanak-kanak. 73% guru menyatakan sangat setuju akan pembentukan tingkah laku kanak-kanak mempunyai proses tertentu. Seterusnya, bagi item soalan memerlukan bimbingan dalam proses pembentukan tingkah laku kanak-kanak 51% guru menyatakan sangat setuju. Selain dari itu 58% guru sangat setuju berkenaan kanak-kanak perlu dibimbing dengan langkah yang betul bagi membentuk tingkah laku dan 59% guru sangat setuju menyatakan proses pembentukan tingkah laku kanak-kanak perlu berasaskan pelbagai aktiviti pengajaran dan nyanyian. Seterusnya, 71% guru sangat bersetuju perlu dibina satu model berasaskan aktiviti nyanyian untuk membentuk tingkah laku kanak-kanak bagi membantu guru dalam pengajaran.

Jadual 4: Keperluan pembinaan modul

Bil	Item	Peratus %
1	Membentuk tingkah laku kanak-kanak itu penting dalam pembelajaran kanak-kanak.	89
2	Pembentukan tingkah laku memerlukan proses yang berterusan.	59
3	Kanak-kanak suka menyanyi dan melakukan gerakan membentuk tingkah laku.	57
4	Membentuk tingkah laku kanak-kanak perlu ada satu panduan yang lengkap.	61
5	Memerlukan panduan nyanyian untuk membentuk tingkah laku kanak-kanak.	65
6	Pembentukan tingkah laku kanak-kanak mempunyai proses tertentu.	73
7	Memerlukan bimbingan dalam proses pembentukan tingkah laku kanak-kanak.	51
8	Kanak-kanak perlu dibimbing dengan langkah yang betul bagi membentuk tingkah laku.	58

continued

9	Proses pembentukan tingkah laku kanak-kanak perlu berasaskan pelbagai aktiviti pengajaran dan nyanyian.	59
10	Perlu dibina satu model berasaskan aktiviti nyanyian untuk membentuk tingkah laku kanak-kanak bagi membantu guru dalam pengajaran.	71

KEPERLUAN KANDUNGAN MODUL

Isi Kandungan

Rujuk jadual 1 menunjukkan aspek isi kandungan modul pengajaran dan pembelajaran nyanyian dalam pembentukan tingkah laku yang menunjukkan peratusan tertinggi iaitu 89% guru bersetuju supaya panduan pengajaran dan pembelajaran (PdP) menggunakan kaedah nyanyian dimasukkan dalam modul. Seterusnya 52% guru bersetuju mencadangkan langkah kerja pengajaran menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan nyanyian. Selain itu, 72% guru memerlukan objektif pembangunan modul dan lembaran kerja murid, 78% guru memerlukan rancangan pengajaran aktiviti (RPA), 82% guru memerlukan panduan penggunaan modul. 55 % guru mencadangkan kandungan modul nyanyian perlukan arahan dan bimbingan dan 71% guru mencadangkan kandungan modul perlu menarik perhatian kanak-kanak. Seterusnya, 41% guru mencadangkan kandungan modul perlu disusun mengikut urutan dan fasa. 84% guru juga mencadangkan kandungan modul perlu mudah digunakan dan 63% guru mencadangkan lagu kanak-kanak sesuai digunakan bagi membentuk tingkah laku kanak-kanak.

Jadual 5: Aspek isi kandungan modul pengajaran dan pembelajaran nyanyian dalam pembentukan tingkah laku

Bil	Item	Peratus %
1	Terdapat objektif pembangunan modul.	89
2	Terdapat panduan penggunaan modul.	52
3	Terdapat panduan pengajaran dan pembelajaran (PdP) menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan nyanyian dalam pembentukan tingkah laku kanak-kanak	72
4	Terdapat rancangan pengajaran aktiviti (RPA)	78
5	Mencadangkan langkah kerja pengajaran dan pembelajaran (PdP) menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan nyanyian.	82
6	Mencadangkan kandungan modul nyanyian perlukan arahan dan bimbingan.	55
7	Mencadangkan kandungan modul perlu menarik perhatian kanak-kanak.	71
8	Mencadangkan kandungan modul perlu disusun mengikut urutan dan fasa.	41
9	Mencadangkan kandungan modul perlu mudah digunakan.	84
10	Mencadangkan lagu kanak-kanak sesuai digunakan bagi membentuk tingkah laku kanak-kanak	63

Aktiviti

Rujuk jadual 6 menunjukkan aspek aktiviti modul pengajaran dan pembelajaran nyanyian dalam pembentukan tingkah laku. Seramai 88% guru memerlukan kanak-kanak menjalankan aktiviti secara berkumpulan dan bersama bagi tugas yang diberi. Manakala seramai 57% guru memerlukan aktiviti nyanyian dan pembentukan tingkah laku sewaktu luar aktiviti pengajaran.

Jadual 6: Aspek aktiviti modul pengajaran dan pembelajaran nyanyian dalam pembentukan tingkah laku

Bil	Item	Peratus %
1	Kanak-kanak menjalankan aktiviti nyanyian secara berkumpulan dan bersama bagi tugas yang diberi.	88
2	Guru menjalankan aktiviti nyanyian dan pembentukan tingkah laku sewaktu aktiviti luar dari pengajaran.	57

Bahan

Rujuk jadual 7 menunjukkan aspek bahan modul pengajaran dan pembelajaran nyanyian dalam pembentukan tingkah laku. Seramai 77% guru memerlukan bahan media, video, slaid dan lain-lain. 66% guru memerlukan bukan bahan media elektronik seperti buku, carta, kad imbasan dan lain-lain, 32% guru memerlukan alamat daripada laman-laman web melalui internet, 57% guru memerlukan penggunaan bahan media interaktif.

Jadual 7: Aspek bahan modul pengajaran dan pembelajaran nyanyian dalam pembentukan tingkah laku

Bil	Item	Peratus %
1	Bahan media elektronik seperti video dan nyanyian	77
2	Bukan bahan media elektronik seperti buku, carta, kad imbasan dan lain-lain	66
3	Alamat daripada laman-laman web melalui internet.	32
4	Penggunaan bahan media interaktif.	57

RUMUSAN

Analisis keperluan merupakan perkara penting dalam mengenal pasti maklumat tentang kandungan dan aspek kandungan modul yang akan dibangunkan. Permulaan penyelidik dalam melakukan kajian analisis keperluan bagi mengumpulkan maklumat tentang konteks dan situasi kajian yang akan dijalankan. Guru merupakan responden yang dipilih sebagai pengguna sasaran keperluan modul pembinaan. Maklumat dikumpul melalui amalan pengajaran dan pembelajaran yang biasa diamalkan guru iaitu masalah sedia ada guru yang perlu kepada penyelesaian. Seterusnya, hasil analisis menunjukkan modul nyanyian bagi membentuk tingkah laku kanak-kanak wajar dibangunkan. Menurut Aliza dan Zamri (2017) modul yang dibangunkan perlu mengambil kira masalah yang dihadapi guru dan keperluan sedia ada supaya modul yang dihasilkan dapat memenuhi keperluan guru. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru masih lagi mengamalkan kaedah pengajaran berasaskan guru. Guru-guru ini memerlukan modul yang dapat membantu dalam pengajaran dan pembelajaran. Analisis keperluan untuk membangunkan modul diakui memberikan rujukan serta proses pedagogi yang memudahkan cara guru Maaruf, Wan Abdul Hamid, & Sabri (2021). Selain itu, guru-guru turut mencadangkan aspek-aspek yang perlu ada dalam modul iaitu isi kandungan, aktiviti dan bahan. Antara aspek isi kandungan adalah seperti terdapat panduan menggunakan modul pembelajaran, langkah kerja pengajaran dan pembelajaran dan objektif modul. Dalam aspek aktiviti pula, guru menyatakan aktiviti perlu berkumpulan. Seterusnya, bagi aspek bahan, guru-guru mahu bahan disediakan dalam bentuk media. Kesimpulannya, keperluan dalam membangunkan modul nyanyian bagi membentuk tingkah laku kanak-kanak perlu dibina untuk kegunaan semasa pengajaran dan pembelajaran.

RUJUKAN

- Ahmad, W., Othman, N., Ph, D., Hussin, R., & Ph, D. (2020). Need Analysis of Integration Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN: 2504-8562) © 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY). 10 Between Learning Style and New Media Technology in Visual Art Education. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 18, 1–13.
- Aliza, A. & Zamri, M. (2017). Analisis keperluan terhadap pengguna sasaran modul pendekatan berasaskan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(1), 1-8.
- Aminah Ayob, Mastura Badzis, Rohani Abdullah, Azizah Lebai Nordin, & Mahani Razali. (2008). *Kurikulum PERMATA: Asuhan dan didikan awal kanak-kanak 0-4 tahun*. Tanjung Malim, Perak: National Child Development Research Centre (NCDRC) / Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Armitage, C. J. & Conner, M. (2001). Efficacy of the theory of planned behaviour: A meta-analytic review. *British Journal of Social Psychology*, 40, 471–499
- Koelsch, (2014). Brain correlates of music-evoked emotions. *Nature Reviews Neuroscience*, 15(3), 170–180.
- Kothari, C.R. (2004) *Research Methodology: Methods and Techniques*. 2nd Edition, New Age International Publishers, New Delhi
- Maaruf, S. Z., Wan Abdul Hamid, W. N. N. H., & Sabri, M. F. (2021). Upcycling Junk Srt and Craft Module to Nurture Creativity of Children. *Malaysian Journal of Sustainable Enviroment*, 8(2), 55–70.
- Masliza SR, Nor'ain MT. (2021). Analisis keperluan untuk membangunkan Modul Pembelajaran Berasaskan Challenge dalam Mempelajari Matematik bagi murid tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 11(Special Issue 2021), 50-58.
- McKillip, J. (1987). *Need analysis: Tools for the human services and education*. SAGE Publications Inc. United States: Thousand Oaks.
- McMillan, J. H. (2014). *Classroom assessment: Principles and practice for effective standardsbased instruction* (5th ed.). Essex: Pearson.
- Norshafinaz Abdul Sani & Faridah Yunus. (2018). Amalan Perancangan, Pelaksanaan dan Pentaksiran dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pranumerasi di Tadika Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, No.43, Vol. 2, 101-110. Kothari (2004)
- Nur Nazuha Beevi Abdul Aziz & Nordin Mamat (2017). *Analisis Keperluan: Pembangunan Modul Efikasi Pengajaran Bahasa Inggeris Guru Prasekolah. Proceedings National Conference on Education Social Science, Engineering and Technology (NCESET 2017)*. Kedah: Association of Malaysian Researchers & Social Services (AMRASS).
- Rafiee, J. & Hafsah, T. (2020). Analisis Keperluan kebolehgunaan aplikasi mudah alih terhadap sikap, minat dan pengetahuan asas matematik tahun 4. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 10 (1), 9-15.
- Richey, R. C., & Klein, J. (2007). *Design and development research: Methods, strategies, and issues*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Ritchie, J. & J. Lewis. (2003). *Qualitative Research Practice: A Guide for Social Science Students and Researchers*. London: Sage.
- Saayah Abu, Rohaty Mohd. Majzub & Nor Aishah Buang (2010). Amalan membaca dan penggunaan buku kepada kanak-kanak prasekolah dalam perspektif rakan sebaya. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara ke 4 2010*, 3-4 Ogos 2010. Bangi.
- Saedah, S., Norlidah, A., Dorothy, D. W., & Zaharah, H. (2013). *Design and developmental research: Emergent trends in educational research*. Kuala Lumpur: Pearson.
- Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali. (2013). *Belajar Melalui Bermain Painsip Utama Kurikulum Pendidikan Awal Kanak-Kanak*. Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Zakaria Khalid & Ariff Fadillah Khalil. (2011). Aktiviti nyanyian lagu-lagu tarian sewang dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah orang Asli. *Prosiding Seminar Penyelidikan 2011 Zon Timur di IPG Kampus Sultan Mizan, Besut*. Terengganu (10-12 Mei 2011)